

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kluster Muda tambah kes jangkitan baharu

Virus turut jangkiti dua anggota polis

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my


Putrajaya: Kedah terus mencatatkan pertambahan kes apabila satu lagi kluster baharu dikenali sebagai Kluster Muda dikesan di negeri berkenaan.

Pertambahan kluster itu menjadikan jumlah kes baharu positif COVID-19 meningkat kepada 20 kes membabitkan tujuh kes import dan 13 kes penularan tempatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata kluster itu menjangkiti dua individu yang juga anggota polis.

"Kes pertama (kes 9,114) bagi kluster berkenaan adalah seorang lelaki warga tempatan yang berkhidmat sebagai anggota polis, manakala kes kedua yang dilaporkan hari ini (semalam) iaitu kes ke 9,147 adalah rakan sekerja kepada kes pertama.

"Susulan itu, aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sudah dijalankan



Penduduk sekitar Pekan Tawar membuat pemeriksaan kesihatan di Klinik Tawar, semalam. (FotoSafuri Kamarudin/BH)

semalam (kelmarin) dan sehingga hari ini (semalam) dua kes dikesan positif, manakala lima lagi negatif.

"Seramai 117 individu masih menunggu keputusan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr. Noor Hisham berkata pengesanan kes secara aktif sedang diteruskan dan langkah pencegahan serta pembendungan jangkitan seperti proses pembersihan dan nyahkuman sudah dijalankan di lokasi yang dikenal pasti dengan punca jangkitan masih dalam siasatan.

Mengulas kes baharu jangkitan, beliau berkata semua kes penularan tempatan itu memba-

bitkan warganegara Malaysia dengan 11 kes dikesan dalam Kluster Tawar dan masing-masing satu kes dikesan dalam Kluster Muda dan ketika saringan pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

Memperincikan mengenai kes yang dikesan dalam Kluster Tawar, Dr. Noor Hisham berkata 10 kes dikesan di Kedah, manakala satu lagi kes (kes ke 9,149) dikesan di Pulau Pinang berdasarkan saringan kontak rapat.

Katanya, sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 261 individu sudah disaring meliputi Kedah dan Pulau Pinang dan daripada jumlah berkenaan sera-

mai 21 kes dikesan positif, manakala 88 individu masih menunggu keputusan.

Tiada pertambahan kes kematian dan jumlahnya kekal 125 kes atau 1.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, Kluster Jupiter di Bintulu, Sarawak diisytiharkan tamat selepas 28 hari tidak mencatatkan sebarang kes.

Jumlah kluster yang diisytiharkan tamat adalah 75 kluster.

Kluster Jupiter dikesan pada Julai lalu membabitkan warga asing yang berkhidmat sebagai kru kapal layar dan ada sejarah perjalanan ke Jepun serta Singapura.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA!

4 | Negara!

Kosmo/ SABTU 15 OGOS 2020



Covid-19 #kitamestimenang

Kluster Tawar rekod 11 kes penularan harian termasuk di Pulau Pinang Lagi kluster baharu di Kedah

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kedah mencatatkan satu lagi kluster baharu iaitu Kluster Muda pada semalam selepas Kluster Tawar merekodkan peningkatan 11 kes jangkitan Covid-19 termasuk di Pulau Pinang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, satu kluster baharu dikesan di Kuala Muda, Kedah melibatkan seorang anggota polis iaitu kes pertama kluster tersebut.

"Kes yang dilaporkan hari ini (semalam) ialah kes ke-9,147 merupakan rakan kerja kepada kes indeks iaitu ke-9,114.

"Seramai 124 individu telah disaring setakat ini dengan dua dikesan positif, 117 masih menunggu

keputusan, manakala lima didapati negatif," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, Kluster Tawar di Baling terus merekodkan peningkatan sebanyak 11 kes jangkitan baharu semalam termasuk satu kes di Pulau Pinang.

"Tiga daripada 11 kes baharu itu adalah generasi kedua dan turut melibatkan ahli keluarga dengan mendapat jangkitan daripada kes ke-9,126 dan kes ke-9,138.

"Kes positif dalam Kluster Tawar juga dikesan dalam kalangan petugas hospital dengan lima kes selain satu kes membabitkan kontak sekerja. Majikan kes pertama kluster ini turut dikesan positif Covid-19," katanya.

Selain itu, katanya, seorang pesakit di sebuah pusat perubatan bukan fasiliti Kementerian Kesihatan yang pernah ditempatkan bersama kes pertama turut diuji positif.

"Kes ke-9,129 daripada Kluster Tawar yang dilaporkan kelmarin dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang. Kes ini bagaimanapun kekal didaftarkan sebagai kes di negeri Kedah.

"Seramai 261 orang telah disaring dengan 21 dikesan positif, 88 masih menunggu keputusan dan 152 lagi negatif," katanya.

Dalam pada itu, katanya, negara turut merekodkan tujuh kes import membabitkan enam warganegara dan satu bukan warganegara.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

Jumlah	
• Kes baharu	20
Import: 7 Tempatan: 13	
• Pullih	7
• Kematian	0
• Masih dirawat	196
• Jumlah kes sembuh	8,828
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,149



SUASANA di Pekan Tawar, Baling mulai lengang selepas Kluster Tawar merekodkan penularan 21 kes sehingga semalam.

Kluster Tawar undang resah penduduk Baling

Oleh NORLIA RAMLI

BALING – Penduduk Baling resah selepas Kluster Tawar yang menular di Mukim Tawar merekodkan 21 kes semalam.

Penduduk, Mohd. Jailani Abdul Karim, 56, berkata, dia tidak menyangka Mukim Tawar pula diumumkan dengan kluster baharu selepas Kluster Sivagangga di Napoh dalam daerah Kubang Pasu dekat sini.

"Sebelum ini kami hanya mengikuti perkembangan Kluster Sivagangga dan tidak sangka kluster baharu yang dinamakan Kluster Tawar berlaku di ka-

wasan ini pula," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia yang merupakan bekas Penasihat Klinik Kesihatan Tawar berkata, rata-rata penduduk di Baling telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mematuhi arahan kerajaan seperti memakai pelitup muka dan melakukan penjarakan fizikal.

"Sejak kejadian di Napoh, kami sentiasa beringat dan mengambil langkah berjaga-jaga serta mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan," ujarnya.

Selain itu, katanya, pihak Jabatan Kesihatan Daerah juga

ada meminta beliau dan penduduk kampung lain memantau keadaan semasa dengan memastikan tiada individu yang diarahkan menjalani perintah kuarantin keluar dari rumah.

Peniaga kedai runcit, Chee Wei Chin, 46, berkata, suasana agak suram di pekan Tawar selepas diumumkan terdapat kluster baharu pada kelmarin.

"Mungkin ramai penduduk yang mengambil langkah awal dengan tidak keluar dari rumah, kecuali untuk urusan penting sahaja," katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Baru di Tawar, Shu-

rendar Ganeson, 32, pula berkata, dia mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pesakit utama yang menghidap Covid-19 bagi kluster itu.

"Jarak rumahnya hanya kira-kira 300 meter dari rumah saya dan hari ini (semalam) saya bawa isteri dan tiga anak buat saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan Tawar dan saya pula di Klinik Kesihatan Kuala Ketil," katanya.

Tambahnya, dia ada menemui pesakit itu pada 6 Ogos lalu dan susulan itu, dia meminta semua ahli keluarganya untuk membuat saringan.

Penduduk mula buat saringan Covid-19

BALING – Lebih 300 penduduk di empat buah kampung di Mukim Tawar di sini semalam mula membuat saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan Tawar.

Kampung yang terlibat adalah Kampung Baru, Taman Sheikh Fadzir, Pekan Tawar dan Kampung Naga Belakang Sekolah Cina.

Tinjauan Kosmo! mendapati penduduk dilihat mula hadir membuat saringan di klinik kesihatan tersebut bermula pukul 8 pagi.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Syed Basri Syed Ali berkata, pemantauan akan terus dilakukan di empat kampung tersebut termasuk memastikan penduduk yang mempunyai kontak rapat atau kaitan dengan kluster berkenaan membuat saringan.

"Setakat ini kita belum menerima arahan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) yang mana keadaan pada ketika ini masih terkawal.

"Penduduk terutama di Mukim Tawar perlu mematuhi semua prosedur operasi standard yang ditetapkan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

139 tabika, taska Kemas di Kedah ditutup

SEREMBAN – Sebanyak 139 buah taman bimbingan kanak-kanak (tabika) dan taman asuhan kanak-kanak (taska) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di Kedah diarahkan tutup sebagai langkah awal pencegahan pandemik Covid-19 yang semakin menular di negeri itu.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, penutupan taska dan tabika itu melibatkan seramai 2,747 pelajar.

"Tujuan penutupan tabika dan taska Kemas di Kedah ini lebih kepada langkah berhati-hati dan pencegahan awal Covid-19.

"Proses sanitasi juga telah dilakukan oleh pihak guru dan jawatankuasa sedia ada walaupun tiada kes dilaporkan. Tabika dan taska kita sebenarnya bersih dan selamat," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Sukarelawan Penyedia Peralatan Perlindungan Diri (PPE) Kemas Negeri Sembilan untuk petugas Kementerian Kesihatan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA!



ADHAM (dua dari kanan) semasa merasmikan Majlis Kempen Pembayaran Dengan Kad ATM MyDebit di Putrajaya semalam.

Penilaian risiko sebelum laksana PKPD TEMCO

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan akan menjalankan kajian penilaian risiko sebelum membuat keputusan sama ada akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) di Mukim Tawar di Baling, Kedah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, sebelum pengumuman dibuat, pihaknya perlu melihat keadaan tertentu di satu-satu kawasan terlebih dahulu.

"Saya ambil maklum di Kedah kita dapati kawasan kuning bertambah sejak dua hari kebelakangan ini.

"Justeru kita buat penilaian semula dan segala persediaan perlu dibuat di Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah yang mana Menteri Besar sendiri Pengerusinya.

"Bagaimanapun, pelak-

sanaan untuk melaksanakan TEMCO akan kita putuskan bersama," katanya pada Majlis Perasmian Kempen Pembayaran Dengan Kad ATM MyDebit, di sini semalam.

Beliau berkata demikian berhubung laporan Kedah sedia melaksanakan PKPD TEMCO di Mukim Tawar di Baling, berikutan kluster baharu Covid-19.

Dalam pada itu, Adham berkata, TEMCO atau PKPD boleh dilaksanakan sekiranya sudah mendapat kelulusan daripada MKN dan pengumuman itu akan dibuat oleh Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pada 13 Ogos lalu, kluster baharu Covid-19 dikesan di Mukim Tawar, Kedah berpunca daripada upacara keagamaan memperingati kematian ahli keluarga yang berlangsung dari 31 Julai hingga 1 Ogos lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

Lagi kluster baharu dikesan di Kedah

Selepas Sivagangga dan Tawar, Kluster Muda pula dikesan di Kuala Muda

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Selepas Sivagangga dan Tawar, Kedah sekali lagi mencetuskan kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Muda yang dikesan di Kuala Muda.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama kluster ini iaitu kes ke-9,114 membabitkan anggota polis lelaki.

"Kes yang dilaporkan positif Covid-19 hari ini (semalam) merupakan rakan sekerja kepada kes indeks," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. Susulan itu, katanya, Ke-

menterian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat dijalankan kelmarin.

"Sehingga hari ini (semalam), seramai 124 kontak rapat kes indeks telah disaring," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, dua kes dikesan positif, lima negatif dan 117 masih menunggu keputusan.

"Kesemua kes bagi kluster membabitkan warga tempatan," katanya.

Menurutnya, pengesanan kes secara aktif sedang diteruskan dan langkah-langkah pencegahan serta pembendungan jangkitan seperti proses pembersihan dan nyah kuman telah dijalankan di lokasi yang dikenal pasti.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan sebanyak 11 lagi kes positif Covid-19

membabitkan Kluster Tawar dilaporkan kepada KKM.


Menurutnya, sebanyak 10 kes didapati positif di Kedah dan satu daripada kluster itu dikesan ketika saringan di Pulau Pinang.

Bagaimanapun katanya, kes yang dikesan di Pulau Pinang itu didaftar sebagai kes di Kedah.

"Selain itu, satu lagi kes penularan dalam negara dikesan di Kedah ketika saringan Severe Acute Respiratory Infection (SARI). Oleh itu, jumlah penularan dalam negara hari ini (semalam) ialah 13 kes," katanya.

Beliau berkata, sebanyak tujuh kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara melibatkan enam warga-negara dan seorang warga asing turut dikesan.

"Sehubungan itu, KKM merekodkan 20 kes positif baharu hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 bertambah kepada 9,149 kes.



11 kes baharu dilaporkan bagi Kluster Tawar semalam.


"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 ialah sebanyak 196 kes," katanya.

Beliau berkata, seramai empat pesakit Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan seorang memerlukan bantuan pernafasan.

"Kes kematian berkaitan Covid-19 kekal 125 kes selepas tiada kes dilaporkan," katanya.

Menurutnya, tujuh kes telah pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 8,828 kes.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM buat kajian penilaian risiko di Mukim Tawar

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melakukan penilaian semula kajian risiko di Mukim Tawar, Baling, Kedah sebelum melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, penilaian tersebut bagi membolehkan persediaan dilakukan.

Menurutnya, penilaian semula dan persediaan perlu dibuat di Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah dan dipengerusikan oleh Menteri Besar.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri belum boleh mengumumkan PKPD secara pentadbiran, sebaliknya kuasa itu daripada MKN dan kerajaan Pusat yang akan diumumkan oleh Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya kepada media selepas melancarkan kempen pembayaran kad ATM MyDebit di hospital



Dr Adham (dua dari kanan) merasmikan kempen pembayaran kad ATM MyDebit di hospital dan Klinik Kesihatan KKM di Putrajaya semalam.

kerajaan dan klinik kesihatan di kementeriannya di sini semalam.

Dr Adham berkata, beliau sedia maklum dengan peningkatan kes di Kedah yang melibatkan pertambahan kawasan kuning semalam di di Padang Maheja di Kulim, Mukim Tawar, Baling dan Kuala Muda.

Sementara itu, mengulas mengenai kempen pembayaran dengan kad ATM MyDebit, Dr Adham berkata, kerjasama KKM dengan Paynet itu merupakan inisiatif kerajaan dalam menggiatkan penggunaan

kad debit dalam urusan di kaunter-kaunter bayaran di fasiliti KKM.

Menurutnya, ketika ini kaedah pembayaran secara e-pembayaran menggunakan kad debit disediakan di 139 hospital, empat institusi kesihatan dan 144 klinik kesihatan.

"KKM menerima bilangan pesakit berbayar di seluruh negara seramai 37.48 juta orang tahun lalu dan pada tahun ini setakat Jun lalu, KKM menerima seramai 12.74 juta pesakit berbayar," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NEGERI

19 premis makanan diarah tutup di Kuala Langat, Hulu Selangor

SHAH ALAM - Sebanyak 19 premis menjual makanan diarah tutup dalam satu operasi bersepadu yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) di sekitar Kuala Langat dan Hulu Selangor kelmarin.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, daripada jumlah berkenaan sebanyak 11 buah premis diarahkan tutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 manakala lapan buah premis lagi diarah tutup kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Kesemua premis yang diarah tutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 telah diberi tempoh selama 14 hari untuk melakukan kerja-kerja pembersihan manakala premis yang tidak patuh kepada SOP PKPP diarah tutup selama tujuh hari," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Sha'ari berkata, dalam operasi berkenaan juga, sebanyak sembilan notis berjumlah RM2,250 telah dikeluarkan kepada pelanggan kerana merokok di premis makanan.

"Selain itu, sebanyak 162 notis turut dikeluarkan kepada pemilik dan pekerja premis makanan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya.

Dr Sha'ari berkata, JKNS akan sentiasa mengadakan Ops Bersepadu Pre-

Selain itu sebanyak 162 notis turut dikeluarkan kepada pemilik dan pekerja premis makanan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009."

mis Makanan di seluruh Selangor bagi memastikan pemilik premis dan pengendali makanan serta orang ramai mematuhi peruntukan di bawah Akta Makanan dan Peraturan-Peraturan Makanan bagi memastikan pelanggan mendapat makanan yang selamat di samping memastikan semua pihak patuh SOP PKPP.

Ops Bersepadu Premis Makanan itu diselaraskan oleh Unit Inspektoran dan Perundangan JKNS dengan kerjasama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, serta Pejabat Kesihatan Hulu Selangor.

Seramai 129 pegawai kesihatan bersama 19 anggota polis dan empat orang anggota Jabatan Pertahanan Awam terlibat dalam operasi berkenaan. - *Bername*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

New cluster detected in Kedah

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has recorded 20 new Covid-19 cases up to noon yesterday, bringing the total number of cases to 9,149.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said that a new cluster known as the Muda cluster from Kedah was also detected yesterday.

In a statement, he said out of the 20 cases, seven were imported involving six Malaysians and a foreigner who were infected with the Covid-19 virus abroad.

Of the remaining 13 cases involving local transmissions, he said 10 were from the Tawar cluster

from Baling, Kedah, and one from the new Muda cluster. The other case is from Penang.

"At the moment, there are four Covid-19 positive cases that are being treated in the Intensive Care Unit and one case requiring breathing assistance.

"There is no additional death cases reported today (yesterday), which means the total number of deaths reported in Malaysia remains at 125 cases," he said.

On the new Muda cluster in Kuala Muda, Kedah, Dr Noor Hisham said the first case detected there involved a police officer who had close contact with a

Covid-19-positive patient, adding that a screening test was conducted on Aug 13.

"Up until yesterday, 124 of his close contacts were screened and of this, two positive cases were detected, five are negative and 117 are waiting for the results.

"All those involved in this cluster are Malaysians. The source of infection is under investigation."

Following the increase in the number of cases and the detection of a new cluster yesterday, Dr Noor Hisham called on Malaysians to observe the standard operating procedures announced by the Health Ministry.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

76 new viruses found in Malaysia

They are part of nearly 1,000 discovered in 30 countries over the past decade

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

PETALING JAYA: An international team of scientists working with Malaysian authorities has found 12 new coronaviruses and 64 other novel viruses throughout the country over the past decade.

The new viruses identified in Peninsular Malaysia and Sabah are part of 949 novel viruses and 217 known viruses detected so far in 30 countries by Predict, an international project that began in 2010.

The ongoing project aims to hunt for new viruses in wildlife, livestock and people throughout the world and determine which zoonotic viruses carried by wildlife for tens of thousands of years have the potential to spill over to livestock and people.

Predict is part of the United States Agency for International Development's (Usaid) Emerging Pandemic Threats programme and is managed in Malaysia by EcoHealth Alliance, a global conservation and pandemic-prevention NGO.

Tom Hughes, director of Conservation Medicine and project coordinator for EcoHealth Alliance in Malaysia, said the 12 new coronaviruses found in this country were identified in samples taken from bats and rats.

"We don't know yet which of those 12 novel coronaviruses – if any – we need to be worried about. The next thing we need to do is to further characterise those viruses," said Hughes.

A novel virus is one that has not previously been recorded.

Coronaviruses are a large family of viruses, some of which can cause illnesses, including Middle East Respiratory Syndrome (MERS),



Research in progress: Hughes (left) and EcoHealth Alliance veterinarian Dr Melinda Rostal sampling a captured bat. – Photo courtesy of EcoHealth Alliance/Conservation Medicine

Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) and Covid-19.

The nearly 1,000 novel viruses that Predict has identified globally include the Bombali ebolavirus, Zaire ebolavirus, Marburg virus, as well as MERS and SARS-related coronaviruses.

In Malaysia, Predict is carried out in close cooperation with the Health Ministry, Wildlife and National Parks Department (Perhilitan), Veterinary Services Department (DVS), Sabah Wildlife Department, Sabah State Health Department, Danau Girang Field Centre, Universiti Malaysia Sabah and Universiti

Putra Malaysia.

Samples have so far been collected from more than 1,400 people, including the Orang Asli, as well as nearly 5,000 animals in Peninsular Malaysia and Sabah.

More than 100,000 tests have been done so far on the samples collected.

Hughes said experiments were ongoing with some of the 76 novel viruses identified in Malaysia to see which among them could attach to, infect and replicate in human cells.

"Any novel virus that can do that is a potential threat to human health and our

economies," he said.

Hughes explained that while some wild animals such as bats are natural reservoirs for zoonotic viruses, they are not to blame when their viruses spill over to people.

"It's caused by a lack of respect for the natural environment. It is human beings changing the environment, changing our interactions with wildlife and changing our contact with these wild animals that create these disease emergence events," he said.

Information on all the novel viruses is available online at Predict's health map website (<http://data.predict.global/>).

Hughes said reports on all the new viruses that Predict identified in Malaysia had been reviewed and approved by the Health Ministry, Perhilitan, DVS, Sabah Wildlife Department and Sabah Health Department before being uploaded on the health map website.

Apart from identifying new viruses, Predict also works closely with authorities in host countries to help build laboratory and diagnostics capacity for zoonotic diseases.

In Malaysia, Predict has helped to build laboratory capacity in Sabah and the peninsula along with other efforts to help the country increase its pandemic response readiness.

In an interview with a US public radio news magazine that was broadcast in May, Hughes praised Malaysia as a regional leader in dealing with Covid-19 and zoonosis.

This was connected to the lessons Malaysia had learnt and applied from its experience in fighting zoonotic diseases such as the Nipah virus in the 1990s, he said.

Read this story online at thestar.com.my for interactive content and more information on the viruses identified.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

New Muda cluster detected

Health DG: Index case originated from a policeman

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: A new cluster has been detected in the country with 20 new cases.

This was the Muda cluster in Kedah, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"The index case in this cluster originated from a policeman. The new case reported from this cluster (yesterday) is a colleague of the index case.

"Following this, active case detection was carried out and close contact screenings have been done on Aug 13 where a positive case was detected on Aug 14," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said 124 close contacts were screened.

Of the 124 people, he said so far two tested positive, five tested negative while 117 others are still waiting for their results.

"All the cases in this cluster are Malaysians. Active case detection is still ongoing. Preventive measures such as disinfection and decontamination on areas that have been identified in this cluster are being carried out," he said.

The cause of infection is still under investigation.

With 20 new Covid-19 cases recorded yesterday, Dr Noor Hisham said this brings the total infections in the country to 9,149



Standing guard: Insp Muhammad Saiful Azraf Ali (fifth from left) and his team supervising a roadblock heading to Jalan Tanah Timbul in Kuala Perlis. — Bernama

with 196 active cases.

Of the 20 new infections, he said seven were imported cases – six Malaysians and a foreigner, while the rest were local transmissions.

In the local transmission cases, Dr Noor Hisham said 11 came from the Tawar cluster, and one from the new Muda cluster.

He said a positive case was also detected from a Severe Acute

Respiratory Infection screening.

There were 11 new cases reported in the Tawar cluster yesterday – 10 in Kedah and one in Penang.

"Case 9129 from this cluster has been admitted to Penang Hospital from a private hospital. This will remain as a case from Kedah."

As of yesterday, Dr Noor Hisham said 261 people from the Tawar cluster had been screened. Of the

261, he said 21 have tested positive.

Currently, he said there were four patients being treated in the intensive care unit, and one case required ventilator support.

Seven patients have been discharged bringing the total cumulative discharged cases to 8,828.

He said that no deaths were recorded, keeping the death toll at 125.